




Tahun 2. No. 6

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 May, 1957



UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA 'IDIL FITRI DARI DYMM

ALLAHU AKBAR. Shukor Alhamdulillah. Dengan berkat Tohan Yang Maha Besar lagi Maha Kuasa maka genaplah kita menyempurnakan ferdzu Puasa selama 30 hari dalam bulan Ramadhan dan sekarang dengan perasa'an redza d a n gembira kita telah dapat menerima ne'mat-nya iaitu menyambut Hari Raya 'Idil Fitri.

Kapada sakelian rakyat kita yang di-kasehi, khas-nya orang2 Islam, kita ucapkan Selamat Hari Raya 'Idil Fitri.

Dengan mengambil sempana pada hari yang berbahagia i n i, kita serta keluarga kita dengan sukachita menghulorkan perasa'an mohibbah serta ber-ma'af2an dzahir dan batin dan semoga di-kalulkan Tohan Yang Maha Kuasa hasil di-atas amal 'ibadat yang baharu sangg lalu itu.

Sekali lagi kita ucapkan SELAMAT HARI RAYA 'IDIL FITRI kapada sakelian rakyat Negeri Brunei ini yang di-kasehi, dan kita berdo'a mudah2an ALLAH SUBHANAHUWATA'ALLA pelehara dan kurniakan kita sakelian dengan bahagia dan selamat sentosa yang berkekalan. Insha Allah kita akan berjumpa lagi pada 'Idil Fitri tahun hadapan.

ALLAHU AKBAR

Omar 'Ali Saifuddin,
Sultan Brunei."

UCHAPAN SELAMAT HARI RAYA 'IDIL FITRI DARI
YANG BERHORMAT BRITISH RESIDENT

Saya mengucapkan SELAMAT HARI RAYA kapada sakelian Umat Islam Negeri ini dan berdo'a semoga tahun akan datang dilimpahi k e m a k m u a r a n kebahagiaan.

J.O. Gilbert,
British Resident.

SELAMAT HARI RAYA

PELITA BRUNEI serta Pegawai Penerangan Negeri dan ke-semua Anggota Pejabat Penerangan di-Bandar Brunei dan juga diKuala Belait berasa sukachita mengucapkan SELAMAT HARI RAYA 'IDIL FITRI kapada segala lapisan Umat Islam.

Kami berdo'a kapada Ilahi, semoga perpaduan mohibbah diantara segala bangsa akan kekal abadi; sambil mengucapkan mudah2an selamat kita bersukaria dengan penoh kegembira'an pada hari yang berbahagia ini.

KENYATA'AN KHAS KAPADA ORANG2 ISLAM

BAYARAN ZAKAT-FITRAH PADA TAHUN INI

Menurut kapada satu Kenyata'an dari Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri, Brunei, bahawa untuk pengetahuan orang2 Islam yang tinggal di-seluruh Negeri Brunei, ketetapan Zakat Fitrah pada tahun ini ada-lah mengikut harga beras yang di-tetapkan oleh Kerajaan, iaitu harga sa-gantang \$2.04 berat-nya 6 kati.

Yang di-wajibkan mengeluarkan Zakat Fitrah ini ada-lah mengikut gantang yang di-gunakan di-Negeri Bagdad, iaitu berat-nya 3 kati dan 12 tahlil.

Jika di-bayar dengan wang, maka harga 3 kati dan 12 tahlil ini, kena-lah tiap2 sa-orang yang berfitrah itu membayar sebanyak \$1.27½.

Berhubung dengan perkara tersebut, Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, ada-lah dengan ini memperingatkan kapada Umat Islam seluruh-nya yang tinggal di-Negeri ini, bahawa barang siapa yang mengeluarkan Zakat Fitrah atau menerima kurang daripada yang di-sebutkan, ada-lah TIDAK SAH.

=====

LAWATAN PEGAWAI BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED

KA-BANDAR BRUNEI

Mr. R.W.P. Rule, Penolong Pengurus, Brunei Shell Petroleum Company Limited, Seria telah tiba di-Bandar Brunei dengan menaiki kapal terbang kepunya'an Sharikat Minyak itu pada hari Thalatha 23 April yang lalu, dan telah balek ka-Seria dengan kapal terbang itu pada hari itu juga.

Dalam masa yang singkat beliau berada di-Bandar Brunei, Mr. Rule telah berjumpa dengan beberapa orang Pegawai2 Kerajaan Negeri ini bertukar fikiran untuk kebajikan bagi kedua2 pihak Kerajaan dan Sharikat Minyak yang terma'lom.

=====

PERSIDANGAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

DI-SELUROH DAERAH BELAIT

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-seluruh Daerah Kuala Belait telah mengadakan Persidangan bulanan mereka pada hari Khamis 25 April yang lalu, bertempat di-Pejabat Penolong Resident, Kuala Belait.

Persidangan itu yang di-pimpin oleh Penolong Resident, Kuala Belait, Mr. Lloyd-Thomas, telah membincangkan berbagai2 perkara yang mustahak, di-antara-nya ia-lah mengenai perkara lawatan Pegawai Rumah Sakit Kerajaan di-Kuala Belait, dan juga mengenai lawatan Pasokan Wayang Gambar Pejabat Penerangan di-Daerah Kuala Belait pada bulan May ini.

=====

CONSUL KERAJA'AN AUSTRIA BAGI BRUNEI

Kerajaan Negeri Brunei telah dengan sukachita-nya, buat sementara mengakui Mr. H. Pfrunder menjadi Consul Yang Kehormat Kerajaan Austria di-Singapura dengan mempunyai kuasa-nya ke-atas Brunei sementara menunggu Penshahan dari Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth Yang Kedua.

KEMANGKATAN AL-MERHOM PENGIRAN MAHARAJA LAILA

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Laila Muda Kahar S.M.B. ibni -Merhom Seri Paduka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohamed Yassin, Kepala Chatria Negeri Brunei, yang juga menyandang jawatan sebagai Timbalan Pemungut Hasil2 Tanah Negeri Brunei telah mangkat di-Rumah Sakit Keraja'an Singapura pada petang hari Thalatha 16 April, 1957.

Al-merhom itu berumur 38 tahun, telah meninggalkan balu-nya dan tiga orang anak. Ia telah pergi ka-Singapura bersama2 balu dan anakanda2-nya kerana menyampurnakan chuti-nya di-sana. Tiba2 pada malam hari Ithnin 15 April, Al-merhom telah mendapat sakit dan pada malam itu juga ia dipindahkan ka-Rumah Sakit Besar, di-mana ia telah kembali ka-Rahamatullah Ta'ala pada hari tersebut.

Sesudah berita kemangkatan yang amat sedih itu di-ketahui di-Negeri ini, Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan telah menitahkan supaya Bendera Brunei di-kibarkan satengah tiang di-seluruh Negeri ini, dan juga penduduk2 di-seluruh Brunei hendak-lah berkabung sahingga Jenazah Al-merhom itu di-kebumikan. Bagaimana pun, Nobat Di-Raja di-tutup selama 20 hari mulai dari hari Rabu 17 April.

Pada hari Rabu 17 April, adinda kapada Al-merhom itu, Pengiran Anak Kamaluddin, bersama2 dengan Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Pehin Khatib Haji Alihussain telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang kerana membawa Jenazah Al-merhom itu balek ka-Brunei.

Perlu juga kita mema'alomkan kapada sidang pembacha bahawa sesudah Al-merhom itu mangkat, urusan berkenaan dengan perkara memindahkan Jenazah-nya, memandikan Jenazah dan sebagai-nya telah di-selenggarakan oleh Persekutuan Seruan Islam Sa-Malaya, Chawangan Singapura, dengan mendapat bantuan khas oleh Kathi Besar Singapura, Tuan Haji Ali; beberapa orang Brunei yang berada di-Singapura pada masa itu, termasuk Pengiran Anak Kamaluddin, Pehin Orang Kaya Di-Gadong, dan Pehin Khatib Haji Alihussain.

Kapal terbang khas kepunya'an Sharikat Malayan Airways Limited yang membawa Jenazah Al-merhom Pengiran Maharaja Laila itu telah berangkat dari Padang Kapal Terbang Singapura pada pukul 7.30 pagi 17 April dan terus terbang ka-Brunei. Kapal terbang itu telah mendarat di-Padang Kapal Terbang di-Berakas pada pukul 12.52 tengah hari tersebut.

Sabelom kapal terbang yang membawa Jenazah Al-merhom itu berangkat dari Singapura, ramai orang telah pergi menghantar Jenazah itu di-Padang Kapal Terbang, di-antara-nya termasuk Inche' Abdul Aziz, Wakil Kapada Setia Usaha Yang Kanan Keraja'an Singapura; Doktor Burhanuddin, Yang Dipertua Agong, Persatuan Islam Sa-Malaya; Isteri kapada Inche' Abdul Hamid Jumat (Timbalan Ketua Menteri, Singapura); Kathi Besar Singapura Tuan Haji Ali; Wakil2 dari Pertubohan Kebangsa'an Melayu Bersatu "U.M.N.O.") dan lain2-nya.

Balu kapada Al-merhom itu; anakanda2-nya; Pengiran Anak Kamaluddin; Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Pehin Khatib Haji Alihussain telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang yang membawa Jenazah itu.

Pada masa kapal terbang tersebut mendarat di-Padang Kapal Terbang Brunei, kira2 dua ribu orang dari berbagai2 bangsa telah berhimpun di-empat itu, di-antara-nya termasuk-lah British Resident Brunei, Yang Berformat Mr. J.O. Gilbert; Wazir2 Yang Pertama dan Yang Kedua Negeri Brunei, yaitu Seri Paduka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Seri Paduka Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Ahli2 Kerabat Di-Raja; Pegawai2 Keraja'an; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri; Pegawai2 dan Ahli2 Party Rakyat Brunei; para pembesar dari berbagai2 bangsa; Wakil2 dari Daerah2 Belait dan Seria; dan lain2-nya.

Sesudah Jenazah itu di-ziarahi oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, serta Kerabat2 Di-Raja; dan di-sembahyangkan, maka Jenazah itupun di-usong oleh Kerabat Al-merhom ka-jambatan Customs.

Duli Yang Maha

X Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan; Yang Berhormat Tuan British Resident; Wazir2 Yang Pertama dan Yang Kedua; Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jafhar; Kerabat Di-Raja; Pehin2; Pegawai2 Ugama; Haji2; dan ramai kaum Muslimin telah mengiringkan Jenazah itu dari rumah Al-merhom Pengiran Maharaja Laila di-Jalan Stoney ka-jambatan Customs. Dari sana Jenazah itu telah di-bawah ka-Tanah Perku-boran Di-Raja di-Makam dengan menggunakan Kapal2 "Sultan" dan "Awang Se-maun" serta beberapa buah Perahu motor sangkut, dengan di-iringi oleh para pengiring tersebut.

Sesudah selesai istiadat mengebumikan Al-merhom itu, Do'a selamat telah di-bachakan oleh Kathi Besar Negeri Brunei, Pengiran Haji Mohamed Salleh. Kamudian Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan serta lain2-nya pun balek ka-jambatan Customs pada pukul 4.00 petang.

(Para pembacha yang berbahagia, meskipun berita yang amat sedih ini sudah pun di-ketahui oleh orang ramai, khas-nya para penduduk di-seluruh Negeri ini, menerusi siaran2 Akhbar dan pancharan2 Radio, serta juga ramai bilangan orang ramai yang telah menghadziri di-istiadat mengebumikan Jenazah Al-merhom itu, tetapi oleh kerana kemangkatan Almerhom itu berla-ku sesudah siaran. Pelita Brunei bilangan yang lalu, maka dengan ini, pehak penerbit Pelita Brunei, mengambil kesempatan berdukachita bersama2 rakyat jelata sa-umom-nya, atas kahilangan sa-orang Kepala Chatria yang di-sayangi oleh masharakat sa-umom-nya. Inna li'llahi wa inna Ilaihi raji'un).

= = = = =
Y UCHAPAN TERIMA KASEH DARI DULI YANG MAHA MULIA

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, Sir Omar Ali Sai-fuddin menguchapkan terima kaseh kapada ke-semua orang yang telah hadir pada masa mengebumikan J e n a z a h Al-merhom Pengiran Maharaja Laila; dan juga kapada me-reka yang telah memberi pertolongan2 ketika di-lang-songkan istiadat mengebumikan Jenazah Al-merhom pada 18 April, 1957.

= = = = =
Ranchangan Perkembangan Negeri: X

PEMBUKA'AN SABELAS BUAH SEKOLAH2 PERMULA'AN

Sabelas buah Sekolah2 Permula'an yang sedang di-bangunkan oleh Kerajaan Brunei di-bawah Ranchangan Perkembangan akan di-buka sesudah Hari Raya Puasa akan datang.

Dengan pembuka'an Sekolah2 tersebut, maka selesailah Ranchangan yang besar yang di-jalankan oleh pehak Kerajaan untuk mengadakan Seko-lah2 Permula'an yang baharu bagi mengajar Bahasa sendiri pada sabelah malam.

Berhubung dengan hal tersebut, Jabatan Pelajaran Negeri Brunei berharap akan membuka sabelas buah sekolah2 demikian pada bulan2 June dan July hadapan. Sekolah2 itu ia-lah di-Bangar, Batu Apoi, Kasat, Pengkalan Batu, Masin, Berakas, Sungai Hanching, Bunut, Biang, Jerudong dan Tanj-ong Maya.

= = = = =
X GURU2 BRUNEI BALEK DARI UNITED KINGDOM

Inche' Kifli bin Bujang, sa-orang Pemangku Guru Kumpulan di-Gover-ment English School, Seria telah balek ka-Brunei baharu2 ini selepas menyampurnakan kursus dalam hal ehwal mengajar Bahasa Inggeris diInsti-tute of Education, London University atas perbelanja'an perchuma dari Kerajaan Brunei.

Ada-lah di-jangka

Adalah dijangka bahawa Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Guru Kumpulan di-Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei yang juga sedang mempelajari kursus sademikian atas pelajaran perchuma dari Kerajaan Brunei akan balek ka-Brunei sesudah menyampurnakan kursus-nya pada akhir bulan June tahun ini.

ISTIADAT TAMAT LATEHAN SEKOLAH PERTUKANGAN DI-SERIA

Dua puluh tiga orang penuntut2 yang telah tamat latehan mereka selama tiga tahun atas perbelanja'an perchuma dari Kerajaan Brunei diSekolah Pertukangan Brunei Shell Petroleum Company Limited di-Seria, telah di-hadiahkan Sijil2 Kepandaian mereka oleh Managing Director Sharikat Brunei Shell Petroleum Company Limited, Yang Berhormat Mr. R.E. Hales dalam satu Majlis Istiadat Tamat Latehan yang telah di-langsungkan pada malam Juma'at yang lalu di-Community Hall, Seria. Hadiah Sijil2 Bahasa Inggeris telah di-sampaikan kepada penuntut2 yang berjaya itu oleh Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore.

Hadiah2 khas berupa "Micrometer", yang telah di-untokkan kepada penuntut2 yang mendapat markah yang tinggi sekali dalam Pepereksa'an Akhir, telah di-menangi oleh Junaidi bin Mohammed Said dan Lamat bin Bakar, yang telah mendapat markah yang sama, iaitu 83 peratus dalam pepereksa'an itu.

Pegawai Pelajaran Negeri Mr. H.J. Padmore telah mema'alomkan kepada sidang hadziran bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan; dan juga Yang Berhormat Tuan British Resident tidak dapat hadir oleh kerana beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan.

Pelajaran
Bagi pihak Jabatan/dan juga Kerajaan Brunei, Pegawai Pelajaran Negeri itu telah menguchapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat Mr. R.E. Hales atas usaha yang beliau telah menunjukkan bagi menjayakan Rancangan Kemajuan Negeri ini dengan memberi latehan2 yang baik kepada penuntut2 Sekolah Pertukangan itu.

Pengetua Sekolah Pertukangan itu, Mr. R.G. Barrow, dalam ucapan-nya menyatakan bahawa bukan sahaja penuntut2 itu di-lateh dalam hal ehwal pertukangan, tetapi mereka juga di-beri pendidikan ikhlak dan tata-tertib yang sempurna.

Selanjut-nya Mr. Barrow berkata bahawa hari itu bukan-lah hari penamatan latehan mereka, bahkan hari permula'an bagi tiap2 orang penuntut di-Sekolah Pertukangan itu. Beliau berharap semoga penuntut2 itu akan dapat melanjutkan pelajaran mereka di-luar negeri dengan mempunyai latehan yang mereka telah perolehi di-Sekolah Pertukangan itu.

Akhir-nya beliau menegaskan, anak kunchi buku pengetahuan ada-lah kini terletak di-tangan para penuntut itu, dan mereka-lah, tetapi bukan siapa lagi yang kelak membuka buku itu.

Ruangan So'al Jawab:

JAWAPAN SO'ALAN2 PELITA BRUNEI KELUARAN TAHUN 2: NO. 5 DI-MUKA 7 DAN 8

1. Jumlah Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei pada masa ini ialah 45 buah, mengandungi 20 buah sekolah2 di-Daerah Brunei; 12 buah sekolah di-Daerah Tutong; 10 buah di-Daerah Belait; dan 3 buah di-bahagian Bandar Brunei.
2. Penuntut2 lelaki dan perempuan di-Negeri Brunei pada masa ini ialah lebih kurang 10,000 orang.
3. Jumlah Sekolah2 Inggeris dan China yang ada sekarang ini di-seluruh Brunei ia-lah sebanyak 15 buah.
4. Istana itu letak-nya di-Tutong; dan nama-nya ia-lah ISTANA PANTAI.
5. Bekas British Resident Brunei yang pada masa ini sedang menyandang jawatan sebagai Setia Usaha Kewangan, Negeri Sarawak ia-lah Yang Berhormat Mr. J.C.H. Barcroft.
6. Sesudah tamat Peperangan Asia Raya, Tentera2 Pihak Bersekutu telah mendarat di-Muara pada 10 June, 1945.

=====

CHUTI2 HARI RAYA PUASA

Chuti2 Hari Raya Puasa bagi Daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong sebagaimana yang telah di-tetapkan oleh Kerajaan ia-lah pada hari Khamis 2 haribulan May; dan pada hari Sabtu 4 haribulan May; manakala di-Daerah Kuala Belait pada hari Khamis 2 haribulan May serta pada hari Juma'at 3 haribulan May, sekira-nya anak bulan tidak kelihatan pada malam Hari Thalatha 30 April.

Bagaimana pun, sekira-nya anak bulan itu kelihatan pada malam Hari Thalatha 30 April, maka chuti Hari Raya Puasa itu ia-lah pada Hari Rabu 1 haribulan May; dan pada hari Khamis 2 haribulan May.

Samentara itu menurut satu berita yang rasmi, Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan akan menghadziri Istiadat Sembahyang Hari Raya yang akan di-langsungkan sekali lagi di-Padang Pekan Brunei, sebagaimana yang telah di-langsungkan pada tahun yang lalu.

Orang2 yang sakit di-Rumah Sakit Kerajaan di-Bandar Brunei; dan orang2 dalam tahanan penjara di-Perkhemahan Jerudong akan di-beri hadiah kueh2 dan minuman pada Hari Raya. Usaha ini, yang di-adakan pada julong2 kali di-Negeri ini, ada-lah sedang di-selenggarakan oleh Persatuan Kesatuan Islam, Brunei.

Brunei Sports Club pula akan mengadakan satu Temasha untuk Kanak2 di-rumah Persekutuan itu mulai pada pukul 4.00 petang hari Juma'at 3 May, 1957 sebagai menyambut Hari Raya Puasa.

Temasha itu, yang di-adakan di-bawah anjoran Ahli2 Muslimin Brunei Sports Club, ada-lah terbuka kepada Kanak2 dari segala bangsa berumur di-antara 2 tahun dan 12 tahun, samaada mereka anak Ahli2 Brunei Sports Club atau tidak.

Pada malam hari itu pula, satu temasha sambutan Hari Raya Puasa untuk orang2 dewasa akan di-adakan di-rumah Persekutuan tersebut.

=====

UNDANG2 SIMPANAN WANG DI-PEJABAT POST

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, dalam Majlis Mashuarat Negeri telah menetapkan bahawa mulai dari 1 haribulan July, 1957, faedah wang di atas wang simpanan yang akan di-bayar oleh Pejabat Simpanan Wang di Pejabat Post, Brunei, ia-lah 2½% bagi ganti bayaran sekarang iaitu 2%.